

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 8 OGOS 2018 (RABU)**

**SOALAN : 11**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek naik taraf lapangan terbang Sandakan yang telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri pada Mei 2017.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Status bagi Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sandakan adalah Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 9 April 2018 kepada Syarikat Musyati Sdn Bhd dengan kos RM65juta secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, kerja-kerja fizikal belum dapat dilaksanakan kerana terdapat keperluan pelaksanaan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA).

Oleh kerana projek ini bernilai lebih daripada RM10juta dan kemajuan projek kurang daripada 15%, berdasarkan surat pekeliling Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), projek ini akan disemak semula oleh *Contract Coordination Panel* (CCP) dan akan dibawa kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan lanjut ke atas hala tuju projek. Hal ini adalah berdasarkan kepada dasar semasa Kerajaan bagi proses perolehan yang lebih telus dan menguntungkan Kerajaan.